



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 1 TAHUN 2025

BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) AIDILFITRI TAHUN 2025 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi **Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri Tahun 2025** kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Berkhidmat Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri sebanyak RM500.00 dan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan sebanyak RM200.00.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri semasa pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025 pada 22 November 2024 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak **dua (2) bulan gaji** kepada semua penjawat awam yang berada di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan yang akan dibayar dua (2) kali iaitu pada 22 Januari 2025 dan pada bulan Mac 2025 (sebelum Aidilfitri).

2.2 Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang **berkhidmat dengan Kerajaan Negeri**

Sembilan, bayaran BKK Aidilfitri Tahun 2025 turut diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan daripada tujuh (7) jabatan Negeri dengan kadar **RM500.00** dan buat julung kalinya BKK Aidilfitri ini turut dipanjangkan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan **yang berkhidmat di Negeri Sembilan** sebanyak **RM200.00** secara **one-off**.

3. PELAKSANAAN

BKK Aidilfitri Tahun 2025 akan dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN	
BERKHIDMAT DI BAWAH JABATAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI	BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN
a. Pegawai akan dibayar sebanyak RM500.00 pada Mac 2025 meliputi tujuh (7) jabatan yang terlibat iaitu: i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan; ii. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan; iii. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan; iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan; v. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan; vi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan; dan vii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan.	a. Pegawai akan dibayar sebanyak RM200.00 secara <i>one-off</i> pada 25 Februari 2025.

4. PEGAWAI YANG LAYAK

- 4.1 Tertakluk kepada perenggan 3 di atas, pegawai yang layak diberikan BKK Aidilfitri Tahun 2025 adalah seperti berikut:

PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
BERKHIDMAT DI BAWAH JABATAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI		BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN	
a.	Pegawai yang berkhidmat di bawah jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; dan	a.	Pegawai lantikan tetap yang mengisi jawatan di perjawatan berdasarkan waran perjawatan di Jabatan/ Agensi Persekutuan di Negeri Sembilan; dan
b.	Pegawai yang masih berkhidmat pada 31 Disember 2024 dan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut di Negeri Sembilan pada tahun 2024.	b.	Pegawai yang masih berkhidmat pada 31 Disember 2024 dan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut di Negeri Sembilan pada tahun 2024.

5. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
BERKHIDMAT DI BAWAH JABATAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI		BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN	
a.	Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tahun 2024;	a.	Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) bagi tempoh hingga 31 Disember 2024 di Negeri Sembilan;
b.	Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2024;	b.	Pegawai yang dipinjam, ditukar sementara, ditempatkan atau ditugaskan di luar Negeri Sembilan;

PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
BERKHIDMAT DI BAWAH JABATAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI		BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN	
c.	Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2024;	c.	Pegawai yang sedang berkursus, bercuti belajar bergaji penuh, bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji melebihi tiga (3) bulan;
d.	Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024; dan	d.	Guru Interim;
e.	Pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2024.	e.	Pegawai badan-badan berkanun Persekutuan;
		f.	Pegawai lantikan kontrak (Contract of Service dan Contract for Service), Pekerja Sambilan Harian atau MySTEP;
		g.	Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024;
		h.	Pegawai yang ditahan gaji, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib hingga 31 Disember 2024;
		i.	Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024; dan
		j.	Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024.

6. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BKK AIDILFITRI TAHUN 2025

Penangguhan pemberian ini hanya terpakai kepada **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di bawah jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri** yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK Aidilfitri Tahun 2025. Pegawai hanya layak dibayar BKK Bersempena Hari Raya Aidilfitri 2025 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

7. PEMBAYARAN

7.1 Tarikh Pembayaran:

- a. BKK Aidilfitri Tahun 2025 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ini akan dibayar sebanyak **RM500.00** pada bulan **Mac 2025**; dan
- b. BKK Aidilfitri Tahun 2025 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan akan dibayar **RM200.00** pada **25 Februari 2025**;

7.2 Peruntukan Untuk Membayar BKK Aidilfitri Tahun 2025:

- a. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan menyalurkan peruntukan BKK Aidilfitri Tahun 2025 kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Negeri Sembilan berdasarkan bilangan pegawai yang layak menerima BKK yang telah disahkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ), Unit Gaji Angkatan tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

- 7.3 Pertanyaan lanjut mengenai BKK Aidilfitri Tahun 2025 boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Unit Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Aras 5, Blok A, Wisma Negeri
70503 SEREMBAN
Telefon : 06-7659015/ 7659791/ 7659016/ 7659913

8. JABATAN YANG MEMBAYAR

Pembayaran BKK Aidilfitri Tahun 2025 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

9. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM)

Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

17 Januari 2025